

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PENGHARGAAN SIAP KERJA PROGRAM CAKNA MADANI : PROGRAM MENAIK TARAF INFRASTRUKTUR KESELAMATAN JALAN RAYA

KERJA MEMPERELOK LOKASI KERAP BERLAKU KEMALANGAN *(BLACKSPOT)* FASA 2, LINTASAN PEJALAN KAKI SEARAS BERLAMPU ISYARAT (LPKSI) DAN PEMASANGAN *SPEED SIGN SENSOR* (SSS)

18 NOVEMBER 2026 (RABU) | 8.30 PAGI
DEWAN SERBAGUNA
JKR DAERAH KUALA LANGAT

<<< Salutasi akan diberikan oleh Urus setia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, terima kasih kerana menjemput saya menyempurnakan Majlis Penghargaan Siap Kerja Program Cakna MADANI: Program Menaik Taraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya. Tahniah kepada 44 kontraktor yang berjaya menyiapkan projek Blackspot Fasa 2, LPKSI dan SSS mengikut tempoh serta sasaran yang ditetapkan.

2. Penghargaan turut saya rakamkan kepada Pengarah JKR Negeri, Ketua Jurutera Elektrik Negeri, warga KKR dan JKR di semua peringkat, PDRM serta semua pihak yang menjayakan program ini.

3. Pelaksanaan program ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI untuk menyediakan infrastruktur jalan raya yang selamat dan berkualiti. Keutamaan kita ialah mengurangkan risiko kemalangan, melindungi nyawa serta memudahkan urusan harian dan kegiatan ekonomi rakyat.

KESELAMATAN JALAN RAYA KEUTAMAAN BERSAMA

Hadirin yang saya hormati,

4. Isu keselamatan jalan raya akan sentiasa diberikan perhatian kerana setiap kemalangan boleh meragut nyawa, menyebabkan kecederaan dan menjejaskan kehidupan keluarga yang terlibat. Justeru, infrastruktur jalan raya perlu terus ditambah baik mengikut keadaan trafik, keperluan pengguna dan risiko di setiap lokasi.

5. Dalam usaha ini, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia akan terus bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengenal pasti lokasi yang kerap berlaku kemalangan. Data kemalangan dianalisis bagi menentukan kerja penambahbaikan yang diperlukan untuk mengurangkan risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya.

PROGRAM BLACKSPOT BERASASKAN DATA KEMALANGAN

Hadirin sekalian,

6. Antara inisiatif utama yang telah diambil oleh Kementerian ialah pelaksanaan Program Memperelok Lokasi Kerap Berlaku

Kemalangan atau *Blackspot*. Lokasi yang memerlukan penambahbaikan dikenal pasti berdasarkan analisis data kemalangan melalui *Road Accident Management System* (RAMS), iaitu platform digital yang digunakan secara menyeluruh sejak tahun 2021.

7. Analisis ini akan membantu menentukan keutamaan dan jenis kerja supaya peruntukan disalurkan mengikut keperluan setiap lokasi. Sepanjang tahun 2021 hingga 2026, kerja penambahbaikan telah dilaksanakan di **441 lokasi Blackspot**, dengan peruntukan keseluruhan **RM153.1 juta**.

PERLINDUNGAN PEJALAN KAKI

Hadirin yang saya hormati,

8. Keselamatan pejalan kaki turut diberikan perhatian melalui Program Lintasan Pejalan Kaki Searas Berlampu Isyarat (LPKSI) yang dilaksanakan sejak tahun 2018. Kemudahan ini disediakan khususnya berhampiran institusi pendidikan, kemudahan kesihatan dan kawasan tumpuan pejalan kaki.

9. LPKSI membantu mengawal pergerakan kenderaan supaya pejalan kaki dapat melintas dengan lebih selamat dan teratur. Kemudahan ini penting terutama kepada kanak-kanak, warga emas serta pengguna yang memerlukan masa lebih panjang untuk melintas.

10. Sehingga tahun 2026, sebanyak **172 lokasi telah dilengkapi LPKSI** yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM45.8 juta**. Saya menyeru orang ramai menggunakan kemudahan ini dan pemandu harus mematuhi isyarat demi keselamatan bersama.

PENGGUNAAN TEKNOLOGI UNTUK KAWALAN HAD LAJU

Hadirin sekalian,

11. Kementerian turut melaksanakan pemasangan *Speed Sign Sensor* (SSS) yang menggabungkan kecerdasan buatan (AI), radar dan *Internet of Things* (IoT).

12. Sebanyak **18 lokasi** dikenal pasti untuk pemasangan SSS mulai tahun 2025, dengan peruntukan keseluruhan **RM955 ribu**. Inisiatif ini merupakan hasil kerjasama Bahagian Perancang Jalan (BPJ), KKR dan Cawangan Kejuruteraan Elektrik (CKE), JKR.

13. SSS akan memberikan amaran visual supaya pemandu memperlahankan kenderaan apabila melebihi had laju. Sistem ini turut mengumpulkan data trafik secara automatik bagi pangkalan data *Road Traffic Volume Malaysia* (RTVM) untuk membantu perancangan dan pengurusan trafik.

PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2026

Hadirin sekalian,

14. Bagi tahun 2026, Kerajaan telah memperuntukkan **RM33.6 juta** untuk Program Menaik Taraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya di **104 lokasi**, melibatkan **11 negeri dan 40 daerah di Semenanjung Malaysia**.

15. Peruntukan tersebut merangkumi **RM27.9 juta bagi Program Blackspot di 78 lokasi**, **RM5.2 juta bagi Program LPKSI di 17 lokasi** dan **RM455 ribu bagi pemasangan SSS di 9 lokasi**. Pelaksanaannya disesuaikan dengan keperluan setempat untuk mengurangkan risiko kemalangan, melindungi pejalan kaki dan menggalakkan pematuhan had laju.

MANFAAT KEPADA RAKYAT DAN EKONOMI SETEMPAT

16. Selain meningkatkan keselamatan, program ini juga membuka peluang kepada kontraktor tempatan, mewujudkan pekerjaan dan merancakkan ekonomi setempat. Peluang ini perlu disertai komitmen untuk menghasilkan kerja berkualiti serta menyiapkan projek mengikut jadual supaya peruntukan memberikan manfaat kepada rakyat.

17. Pada hari ini, sijil penghargaan siap kerja disampaikan kepada **44 kontraktor** bagi projek Blackspot Fasa 2, LPKSI dan SSS. Semoga pengiktirafan ini mendorong para penerima untuk terus mengekalkan mutu kerja serta prestasi yang baik dalam projek seterusnya.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

18. Saya berharap Program Cakna MADANI akan terus memperkukuh keselamatan infrastruktur Jalan Persekutuan dan memberikan manfaat kepada rakyat. Marilah kita bersama-sama menjaga

keselamatan di jalan raya demi melindungi nyawa dan kesejahteraan masyarakat.

19. Dengan sukacitanya, saya menyempurnakan Majlis Penghargaan Siap Kerja Program Cakna MADANI: Program Menaik Taraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya.

Sekian, terima kasih.